

# LAPORAN PENGURUS

PERTENGAHAN  
TAHUN SEHINGGA  
31 OGOS 2021



AMANAH SAHAM KEDAH

*Asas Sumber Kesejahteraan*



## Laporan Pengurus Bagi Pertengahan Tahun Berakhir 31 Ogos 2021

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera

Pemegang unit Amanah Saham Kedah (ASK) yang dihormati,

Kedah Islamic Asset Management Berhad selaku Pengurus Tabung ASK dengan sukatanya membentang Laporan Pertengahan Tahun dan Penyata Akaun Belum Beraudit ASK bagi setengah tahun kewangan ke-27 mulai 1 Mac 2021 sehingga 31 Ogos 2021.

### **MAKLUMAT DANA**

**Nama :** Amanah Saham Kedah ("Tabung ASK")

**Jenis :** Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

**Kategori :** Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah

**Objektif Pelaburan :** Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah.

**Tempoh Hayat Tabung ASK :** Dilancarkan pada 27 Februari 1995 dan akan terus beroperasi sehingga ditamatkan mengikut Fasal 25 Suratikatan ASK.

**Tanda Aras Prestasi :** Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah.

**Polisi Pengagihan Pendapatan :** Pengagihan tahunan/interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.

### **Pecahan Pegangan Unit ASK Pada 31 Ogos 2021**

Kedudukan Pelabur Mengikut Pegangan Unit				
Pegangan Unit	Pelabur	%	Unit	%
5,000 ke bawah	22,934	90.33	8,312,297	7.00
5,001 ke 10,000	803	3.16	6,212,897	5.23
10,001 ke 50,000	1,428	5.62	29,226,715	24.62
50,001 ke 500,000	214	0.84	21,978,819	18.52
500,001 ke atas	9	0.04	52,879,827	44.55
Stok Pengurus	-	-	89,446	0.08
<b>Jumlah</b>	<b>25,388</b>	<b>100.00</b>	<b>118,700,000</b>	<b>100.00</b>



## MAKLUMAN

### Perubahan Alamat Dan Maklumat Pelabur

Para pemegang unit adalah dinasihat supaya memaklumkan pihak KIAM sebarang perubahan alamat dan maklumat peribadi sama ada melalui telefon, surat atau e-mel kepada kami di alamat ask@kiam.com.my. Bagi waris kepada pemegang unit yang telah meninggal dunia, waris adalah dinasihat supaya melaporkan kepada KIAM tentang perkara tersebut bagi membolehkan KIAM mengambil tindakan yang perlu.

### Galakkan Membuka Akaun Perbankan Islam

Pengurusan ASK sedang dalam proses penambahbaik perkhidmatan seperti transaksi unit-unit Tabung ASK dan proses agihan pulangan pelaburan kepada para pemegang unit. Sehubungan dengan itu, para pemegang unit adalah digalakkan untuk membuka akaun di mana-mana institusi Perbankan Islam bagi memudahkan pihak KIAM untuk mengreditkan terus bayaran belian balik unit ASK dan pulangan pelaburan (sekiranya ada) di masa hadapan ke dalam akaun pemegang unit.

Para pemegang yang telah membuka akaun dipohon untuk memaklumkan kepada pihak pengurusan Tabung ASK secara bertulis di alamat berdaftar kami, iaitu:-


Kedah Islamic Asset Management Berhad  
178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah  
05350 Alor Setar  
Kedah Darul Aman

## LAPORAN PENGURUS

### Pencapaian Objektif Dan Analisa Prestasi Berbanding Tanda Aras

Bagi tempoh setengah tahun kewangan dari 1 Mac hingga 31 Ogos 2021, Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Tabung ASK naik 0.74% kepada RM0.2596 di penutup urusniaga pada 31 Ogos 2020 daripada RM0.2577 di pembukaan urusniaga pada 1 Mac 2021. Prestasi ini lebih tinggi berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah (selepas ini dirujuk sebagai "FBMSHA") yang turun 1.76% dalam tempoh yang sama.


Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Bagi Tempoh Setengah Tahun Berakhir 31 Ogos 2021



Bagi prestasi 5 tahun yang lepas, iaitu dari 1 September 2016 hingga 31 Ogos 2021, Tabung ASK naik sebanyak 22.09% berbanding kenaikan FBMSHA sebanyak 2.93%, selepas diselaras dengan pengagihan-pengagihan pendapatan.



Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding  
Tanda Aras FBMSHA Untuk 5 Tahun Yang Lepas



Objektif pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah tetap dipelihara. Majlis Penyeliaan Syariah KIAM di dalam laporannya (*rujuk mukasurat 7*) telah mengesahkan bahawa Tabung ASK telah diurus dan ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garispanduan, peraturan dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah.

### Strategi dan Polisi Pelaburan Digunakan Untuk Mencapai Keputusan Prestasi

Strategi dan polisi pelaburan yang digunakan untuk mencapai prestasi yang dicatatkan bagi separuh pertama tahun kewangan 2021 terbahagi kepada tiga; (a) peruntukan aset strategik (“strategic asset allocation”), (b) peruntukan sektor strategik (“strategic sector allocation”) dan (c) pemilihan saham strategik (“strategic stock selection”).

#### Peruntukan aset strategik

Pada setengah tahun kewangan 2021, peruntukan ekuiti dikenakan melebihi 70% dan tidak melebihi 90%, seperti keperluan yang dinyatakan di dalam prospektus.

Strategi terkini, pemilihan Pengurus masih di dalam sektor kesihatan bagi jangka masa yang pendek ini. Pengurus akan menilai dan beralih kepada tematik selektif seperti sektor runcit, sektor pelancongan, sektor komoditi, sektor minyak mentah dan sektor perbankan. Untuk jangka masa panjang, Pengurus menumpukan kepada sektor teknologi selaras dengan teknologi terkini seperti 5G.

#### Peruntukan sektor strategik

Pendekatan secara pro-aktif juga diambil di dalam peruntukan sektor strategik yang dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka lebih cemerlang.

#### Pemilihan saham strategik

Proses penyelidikan kami menghendaki kami mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai syarikat, amalan perniagaannya, reputasi dan perlakuan hak pemegang saham. Pasukan penyelidik berusaha untuk melakukan wawancara dengan individu di pelbagai peringkat pengurusan, pembekal, pelanggan dan pesaingnya. Kami juga mencari maklumat yang relevan melalui artikel berita dan Bloomberg.



Bagi pelaburan ekuiti, Pengurus akan mengenalpasti sama ada pelaburan di dalam sesebuah syarikat tersenarai itu dibuat atas dasar pelaburan asas (“core”), pelaburan untuk dividen (“dividend/yield”), pelaburan untuk pertumbuhan modal (“growth”) atau pelaburan berdasarkan nilai (“value”).

Manakala bagi pelaburan di dalam pasaran wang pula, Pengurus Tabung ASK membuat pelaburan bagi tempoh jangkamasa pendek dan sederhana. Pelaburan telah dibuat di dalam instrumen-instrumen seperti *Term Deposit-i Tawarruq-Special (TDT-i Special)*, *Al-Wadiah*, *Corporate Commodity Murabahah Deposit (CCMD)* dan *Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i)*.

### **Ulasan Pasaran Saham**

Indeks FBM Emas Shariah (FBMSHA) mencatatkan paras terendah 12,009.50 mata pada 12 Julai 2021 dan paras tertinggi 13,444.31 mata pada 26 April 2021. Bagi tempoh laporan 1 Mac 2021 (12,888.80 mata) sehingga 31 Ogos 2021 (12,750.46 mata), FBMSHA menurun 138.34 mata atau 1.07%.

Faktor-faktor yang telah mendominasi naik turun pasaran ekuiti tempatan sepanjang tempoh Mac hingga Ogos 2021 ialah:

#### **Domestik:**

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK):** Malaysia mencatatkan pengucupan ekonomi yang menguntungkan sepanjang suku kedua pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 16.1% keluaran dalam negara. Peningkatan ini adalah terbaik yang direkodkan selepas empat suku yang merosot berturut-turut dan ini berpunca daripada pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan perkembangan dalam jumlah eksport.

**Kadar Dasar Semalam (OPR):** OPR daripada Bank Negara Malaysia (BNM) tetap bersambung pada 1.75% iaitu kadar terendah dalam sejarah yang pernah dicatakan oleh Bank Negara Malaysia sebagai kawalan dasar monetari negara ke atas aktiviti ekonomi yang menguncup dengan ketara pada suku kedua tahun ini. Ini disebabkan langkah diperkenalkan dalam membendung pandemik COVID-19 pada peringkat global dan domestik.

**Pergerakan matawang Ringgit:** Ringgit Malaysia mengalami pengukuhan nilai daripada 30 April 2021 (USD1=RM4.0880) sehingga 30 Julai 2021 (USD1=RM4.2205). Kemudian, Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan sehingga ke akhir bulan Ogos (USD1=RM4.1552).

**Wabak Pandemik Covid-19:** Seluruh dunia telah terkesan dengan wabak Covid-19 yang bermula dari negara China sehingga merebak ke seluruh dunia. Terkini, Amerika Syarikat mencatatkan rekod tertinggi untuk pesakit yang disahkan positif dan juga bilangan kematian diturut rapat oleh India. Namun begitu, kadar vaksinasi yang semakin tinggi telah menurangkan jejasan atas pasaran saham dan pasaran saham composit Amerika Syarikat “Dow Jones” hanya mencatatkan kejatuhan 27 mata ataupun 0.1% dalam Jun 2021.

**Keputusan korporat:** Bagi tempoh Mac 2021 – Ogos 2021, keputusan korporat yang diumumkan kebanyakannya adalah antara terburuk yang pernah dicatatkan ini kerana operasi mereka terjejas disebabkan Covid-19. Walaubagaimanapun, keputusan korporat bagi pengeluar sarung tangan getah telah meneruskan keputusan yang memuaskan oleh kerana permintaan yang tinggi kepada sarung tangan getah pada musim pandemik.



**Minyak mentah:** Harga minyak mentah telah meningkat daripada USD63.54 pada 31 Mac 2021 ke USD76.33 pada 30 Julai 2021 berikutan deficit penawaran dan penurunan inventori minyak mentah secara berterusan sementara permintaan terhadap komoditi tersebut telah berpulih. Pada akhir bulan Ogos 2021, harga minyak telah mengalami kejatuhan mendadak akibat kerisauan tentang kemelesetan ekonomi dunia berikutan kes Covid-19 Delta baru yang mungkin akan menyebabkan penurunan kadar keperluan terhadap komoditi tersebut manakala penawarannya semakin meningkat di pasaran. Harga minyak pada 31 Ogos 2021 adalah USD72.99.

**Ulasan Pasaran Wang:** Bagi tempoh separuh tahun kewangan Tabung Amanah Saham Kedah (Mac - Ogos 2021), kadar semalamans yang ditawarkan oleh bank berlegar antara 1.45% hingga 1.55%, lebih rendah daripada kadar OPR sebanyak 1.75% sebelum semakan pada 06 Mei 2021. Selepas semakan kedua pada 08 Julai 2021, kadar ditetapkan pada 1.75%. Kadar penempatan oleh bank juga setanding dengan paras tersebut sebanding dengan usaha akomodatif Bank Negara Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi.

### Komisyen Ringan

Pihak Pengurus menerima komisyen ringan daripada syarikat-syarikat broker saham dalam bentuk bahan-bahan penyelidikan dan kajian ("brokers' reports") yang dibenarkan di bawah Garispanduan Tabung Unit Amanah melalui faksimili atau e-mel bagi tujuan memperolehi maklumat semasa pasaran dan perkembangan terbaru syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

## LAPORAN TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH

### Komposisi Portfolio

Pegangan Ekuiti Mengikut Sektor Pada 31 Ogos *	2021	2020	2019
	(%)	(%)	(%)
Barangan Pengguna	6.96	2.69	9.56
Barangan Industri	20.77	16.36	18.95
Pembinaan	4.78	3.21	4.02
Perkhidmatan/Dagangan	14.56	18.00	16.67
Hartanah	3.71	4.81	6.05
Perlادangan	1.97	2.53	0.94
Teknologi	23.77	11.84	4.30
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	-
REITS	7.30	7.32	1.45
Kewangan	5.17	6.71	5.51
Jumlah	<b>88.98</b>	<b>73.47</b>	<b>67.44</b>
Pelaburan Mengikut Kategori Pada 31 Ogos *	2021	2020	2019
	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	88.98	73.47	67.44
Pasaran Wang	15.79	26.86	33.10
Aset Bersih Lain	(4.77)	(0.33)	(0.54)
Jumlah	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

(\*) Tabung ASK hanya melabur di pasaran saham dan pasaran wang tempatan.

(\*\*) Peratusan dikira berdasarkan NAB di akhir tempoh.



## Pergerakan Nilai Modal

Pergerakan Nilai Modal		Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Ogos		
		2021	2020	2019
Nilai Aset Bersih (NAB)	RM	30,808,994	26,835,018	23,881,728
Unit Dalam Edaran	Unit	118,700,000	120,100,000	122,200,000
NAB Seunit	RM	0.2596	0.2234	0.1954
NAB Seunit Tertinggi	RM	0.2615	0.2235	0.2051
NAB Seunit Terendah	RM	0.2355	0.1507	0.1911
Jumlah Pulangan	%	0.74	18.08	1.09
Perkembangan Modal	%	0.74	18.08	1.09
Pendapatan	%	-	-	-

Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit

## Jumlah Pulangan

Jumlah Pulangan Tahunan *	Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 28/29 Februari				
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	36.21	(2.12)	(15.37)	5.48	3.54
Purata Jumlah Pulangan **	Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Ogos 2021				
	Setahun	Tiga Tahun	Lima Tahun		
Purata Jumlah Pulangan (%)	16.20	13.42	6.95		

(\*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tahun kewangan masing-masing berakhir pada 28/29 Februari.

(\*\*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tempoh masing-masing berakhir pada 31 Ogos 2021.

Sumber : Lipper

## Pengagihan Pendapatan Dan Pecahan Unit

Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos untuk tahun 2019, 2020 dan 2021, tabung tidak membuat sebarang pengagihan pendapatan dan lain-lain bentuk pengagihan.

## Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Dagangan Portfolio

Nisbah	Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2021	2020	2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) - (%)	0.80	0.79	0.80
Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) - (kali)	0.35	0.59	0.24

NPP dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan mengurus dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian.

NDP pula dikira berdasarkan purata kos belian dan jualan pelaburan dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian. NDP menurun kepada 0.35 kali daripada 0.59 kali berikutan penurunan di dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK. Pelaburan di dalam ekuiti berada pada tahap 89% pada akhir Ogos 2021 berbanding 73% akhir Ogos 2020.

**Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian pada masa hadapan. Harga seunit dan pembayaran pengagihan pendapatan, jika ada boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.**



## Laporan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

### LAPORAN MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH KIAM KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM KEDAH BAGI SETENGAH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2021

Kami telah bertindak sebagai Majlis Penyeliaan Syariah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD dan peruntukan Suratikatan AMANAH SAHAM KEDAH bertarikh 25 Ogos 1999 dan Suratikatan Tambahan bertarikh 27 Februari 2014 adalah selaras dengan Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir Tabung AMANAH SAHAM KEDAH mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi Garispanduan yang ditetapkan, Peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah untuk tempoh setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2021.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Tabung AMANAH SAHAM KEDAH terdiri daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai patuhan Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**DATO' SETIA JAYA DATO' PADUKA  
SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABDUL HALIM**  
Pengerusi  
Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Tarikh: 15 Oktober 2021



## Laporan Pemegang Amanah

### TRUSTEE'S REPORT TO THE UNIT HOLDERS OF AMANAH SAHAM KEDAH

We, **CIMB Islamic Trustee Berhad** being the trustee of **Amanah Saham Kedah ('the Fund')** are of the opinion that **Kedah Islamic Asset Management Berhad ('the Manager')**, acting in the capacity as Manager of the Fund, has fulfilled its duties in the following manner for the period ended 31 August 2021.

- a) The Fund has been managed in accordance with the limitations imposed on the investment powers of the Manager under the Deed, the Securities Commission Malaysia's Guidelines on Unit Trust Funds, the Capital Markets and Services Act 2007 (as amended from time to time) and other applicable laws;
- b) Valuation and pricing of the Fund has been carried out in accordance with the Deed and relevant regulatory requirements; and
- c) Creation and cancellation of units have been carried out in accordance with the Deed and relevant requirements.

For and on behalf of  
**CIMB Islamic Trustee Berhad**

**Ng Lai Peng**  
Authorised Signatory

Kuala Lumpur, Malaysia  
Date: 15 October 2021



## Kenyataan Pengurus Kepada Pemegang Unit ASK

Kami, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din dan Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff, dua daripada pengarah-pengarah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan syarikat pengurusan, Penyata Kewangan Tabung ASK belum beraudit yang dibentangkan di dalam Laporan Setengah Tahun ini telah disediakan mengikut peruntukan Suratikatan dan memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Tabung ASK bagi setengah tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2021 mengikut Prinsip Perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan diubahsuai oleh Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas Tabung Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak Pengurus  
**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD**

**PROF. EMERITUS DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH BIN HAJI DIN**  
Pengarah

**PROF. DR. RUSHAMI ZIEN BIN YUSOFF**  
Pengarah

Tarikh: 15 Oktober 2021



## Penyata Kewangan Tabung ASK

Penyata Kewangan Tabung ASK yang dibentang di bawah adalah **PENYATA YANG BELUM DIAUDIT** bagi tempoh setengah tahun kewangan bermula 1 Mac 2021 sehingga 31 Ogos 2021 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

### STATEMENT OF FINANCIAL POSITION As at 31 August 2021

	2021 (RM)	2020 (RM)
<b>Assets</b>		
Deposits with financial institutions	4,865,955	7,207,595
Quoted Investments	27,415,250	19,716,824
	<b>32,281,205</b>	<b>26,924,419</b>
<b>Other assets</b>		
Deposits receivable	485	1,093
Dividends receivable	25,844	68,073
Tax recoverable	149,056	149,056
Cash at bank	6,233	11,758
Others	3,554	3,554
	<b>185,172</b>	<b>233,534</b>
<b>Total Assets</b>	<b>32,466,377</b>	<b>27,157,953</b>
<b>Liabilities</b>		
Due to Manager	38,548	33,544
Due to Trustee	1,799	1,565
Due to stockbrokers	477,990	255,336
Other payables and accruals	1,139,046	32,490
<b>Total Liabilities</b>	<b>1,657,383</b>	<b>322,935</b>
<b>Equity</b>		
Unitholders' capital	119,761,060	120,102,222
Accumulated losses	(88,952,066)	(93,267,204)
<b>Total Equity</b>	<b>30,808,994</b>	<b>26,835,018</b>
<b>Total Equity and Liabilities</b>	<b>32,466,377</b>	<b>27,157,953</b>
<b>Units in circulation</b>	<b>118,700,000</b>	<b>120,100,000</b>
<b>Net Asset Value ("NAV") per unit</b>	<b>0.2596</b>	<b>0.2234</b>



**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME**  
For the period ended 31 August 2021

	2021 RM	2020 RM
<b>Income</b>		
Gross dividend income	357,438	365,161
Income from deposits in financial institutions	30,223	52,117
Other income	20	19
Net gain from investments:		
- Financial assets at fair value through profit and loss ("FVTPL")	-	-
- Net realised gain / (loss) on sale of investments	1,460,901	583,783
	1,848,582	1,001,081
<b>Expenses</b>		
Manager's fee	226,549	172,202
Trustee's fee	10,572	8,080
Auditor's remuneration	-	-
Bank & custodian charges	1,298	1,061
GST bank & custodian charges	-	-
Administrative expenses	-	-
	238,419	181,343
<b>Net income / (loss) before tax</b>	1,610,163	819,738
Income tax expense	-	-
<b>Net income / (loss) after tax</b>	1,610,163	819,738
Net income after tax is made up by the following:		
Net realised income / (loss)	1,610,163	819,738
Net unrealised income / (loss)	-	-

**STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY**  
For the period ended 31 August 2021

	Unitholders' capital	Retained earnings	Total equity
	RM	RM	RM
As at 1 March 2020	120,145,821	(97,381,013)	22,764,808
Total comprehensive gain for period	-	819,738	819,738
Unrealised changes in fair value	-	3,294,072	3,294,072
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(41,841)	-	(41,841)
Distribution equalisation	(1,759)	-	(1,759)
Balance as at 31 August 2020	120,102,221	(93,267,203)	26,835,018
As at 1 March 2021	119,861,840	(89,168,773)	30,693,067
Total comprehensive gain for period	-	1,610,163	1,610,163
Unrealised changes in fair value	-	(1,393,456)	(1,393,456)
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(96,857)	-	(96,857)
Distribution equalisation	(3,923)	-	(3,923)
Balance as at 31 August 2021	119,761,060	(88,952,066)	30,808,994



**STATEMENT OF CASH FLOWS**  
**For the period ended 31 August 2021**

	2021 RM	2020 RM
<b>Cash flows from operating and investing activities</b>		
Proceeds from sale of investments	11,631,195	14,355,605
Acquisition of investments	(9,202,793)	(12,868,298)
Net dividends received	371,266	302,586
Income received from deposits	30,167	246,477
Subscription of rights	-	-
Other income received	20	19
Tax refund	-	-
Manager's fee paid	(222,808)	(167,709)
Trustee's fee paid	(10,398)	(7,826)
Professional fee – auditor / tax agent	(16,198)	(15,559)
Payment for other fees and expenses	(21,974)	(17,363)
Others - IPO	(2,004,322)	(409,034)
Net cash used in operating and investing activities	554,155	1,418,898
<b>Cash flows from financing activities</b>		
Cash paid on units cancelled	(100,780)	(43,600)
Cash received on units created	-	-
Grant received from Kedah State Government	-	-
Dividend to Unitholders	-	-
Net cash generated from financing activities	(100,780)	(43,600)
Net decrease in cash and cash equivalents	453,375	1,375,298
Cash and cash equivalents at the beginning of the year	4,418,813	5,844,055
Cash and cash equivalents at the end of the year	4,872,188	7,219,353
<b>Cash and cash equivalents comprise:</b>		
Cash at banks	6,233	11,758
Deposits with financial institutions	4,865,955	7,207,595
	4,872,188	7,219,353

**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT**  
**For the period ended 31 August 2021**

### 1. Basis Of Preparation

The financial statements of the Fund have been prepared in accordance with Financial Reporting Standards ("FRS") and the Securities Commission's Guidelines on Unit Trust Funds in Malaysia.

The financial statements have been prepared on the historical cost basis and are presented in Ringgit Malaysia ("RM").

### 2. Manager's Fee

The Manager's fee is computed on a daily basis at 1.50% per annum of the NAV of the Fund before deducting the Manager's and Trustee's fees for that particular day.

### 3. Trustee's Fee

The Trustee's fee is computed on a daily basis at 0.07% per annum of the NAV of the Fund, before deducting the Manager's and Trustee's fee for that particular day.



#### 4. Unitholders' Capital 2021 :

	No. of units	RM
As at the beginning of the year	119,100,000	119,861,840
Creation of units	-	-
Cancellation of units	(400,000)	(100,779)
	118,700,000	119,761,061
Distribution equalisation	-	-
As at the end of the year /period	118,700,000	119,761,061

Amanah Saham Kedah has an approved combined fund size of 200,000,000 units.

#### 5. Units Held By Related Parties

	31 Aug 2021	31 Aug 2020
Kedah Islamic Asset Management Berhad (The Manager)	89,446	176,294
Directors of the Manager	155,670	145,805
Other related parties	35,365,473	35,365,473
<b>Total</b>	<b>35,610,589</b>	<b>35,687,572</b>

All units are held legally, not beneficially.

#### 6. Transactions with Stockbroking Companies

Details of transactions with stockbroking companies for the period ended 31 August 2021 are as follows:

Stockbroking Companies	Value of Trade RM	% of total Trade (%)	Brokerage Fees RM	% of total Brokerage Fees (%)
Affin Hwang Capital - Investment Bank Bhd	4,771,795	23.66	10,127	23.57
CIMB Investment Bank Bhd	3,004,693	14.90	6,375	14.84
KAF Equities Sdn Bhd	8,438,252	41.84	17,888	41.64
Maybank Investment Bank Bhd	2,483,652	12.31	5,062	11.78
RHB Investment Bank Bhd	1,470,252	7.29	3,511	8.17
<b>Total</b>	<b>20,168,645</b>	<b>100.00</b>	<b>42,962</b>	<b>100.00</b>

All stockbroking companies listed above are non-related parties with the Manager Company.

#### 7. Financial Assets at FVTPL - as at 31 August 2021

	2021 (RM)	2020 (RM)
Financial assets held for trading:		
Quoted equities	27,415,251	19,716,824
Net gain / (loss) on financial assets at FVTPL comprised:		
Realised gain / (loss) on disposals	1,460,901	583,783
Unrealised changes in fair values	-	-
	<b>28,876,152</b>	<b>20,300,607</b>



Financial assets held for trading as at 31 August 2021 are as detailed below:

SECTORS / COUNTERS	Quantity (Units)	Fair Value (RM)	Per Cent of NAV (%)
<b>INDUSTRIAL PRODUCTS</b>			
Ata Aims Bhd	100,000	270,000	0.88
Dufu Technology Corp. Bhd	120,000	507,600	1.65
Hiap Teck Venture Bhd	800,000	464,000	1.51
Mtag Group Bhd	643,800	412,032	1.34
Pestech International Bhd	300,000	286,500	0.93
P.I.E Industrial Bhd	142,900	501,579	1.63
Press Metal Aluminium Holdings Bhd	120,000	648,000	2.10
Scgm Bhd	161,300	395,185	1.28
SKP Resources Bhd	581,250	1,069,500	3.47
SKP Resources Bhd – Warrant Bonus	93,000	17,670	0.06
Sunway Bhd	200,000	356,000	1.16
VS Industries Bhd	250,000	360,000	1.17
CekD Bhd	2,315,500	1,111,440	3.61
<b>TOTAL</b>	<b>5,827,750</b>	<b>6,399,506</b>	<b>20.77</b>
<b>CONSUMER PRODUCTS</b>			
Aeon Co. (M) Bhd	150,000	216,000	0.70
Bernaz Auto Bhd	335,000	546,050	1.77
Duopharma Biotech Bhd	78,513	196,283	0.64
Formosa Prosonic Industries	114,000	437,760	1.42
Magni Tech Industries Bhd	200,000	448,000	1.45
QL Resources Bhd	54,000	300,240	0.97
<b>TOTAL</b>	<b>931,513</b>	<b>2,144,333</b>	<b>6.96</b>
<b>PLANTATIONS</b>			
Sime Darby Plantation Bhd	80,415	324,072	1.05
United Plantation Bhd	20,800	282,048	0.92
<b>TOTAL</b>	<b>101,215</b>	<b>606,120</b>	<b>1.97</b>
<b>PROPERTIES</b>			
SP Setia-RCPs-I Bhd	1,361,000	1,143,240	3.71
<b>TOTAL</b>	<b>1,361,000</b>	<b>1,143,240</b>	<b>3.71</b>
<b>CONSTRUCTION</b>			
AME Elite Consortium Bhd	40,000	104,400	0.34
Econpile Holdings Bhd	843,700	350,136	1.14
Muhibbah Engineering (M) Bhd	1,100,500	1,017,963	3.30
<b>TOTAL</b>	<b>1,984,200</b>	<b>1,472,498</b>	<b>4.78</b>
<b>TRADING / SERVICES</b>			
Dialog Group Bhd	121,000	321,860	1.04
Digi.Com Bhd	105,000	462,000	1.50
Hibiscus Petroleum Bhd	1,536,000	1,021,440	3.32
Petronas Dagangan Bhd	20,000	399,200	1.30
Sime Darby Bhd	180,000	424,800	1.38
Taliworks Corporation Bhd	665,300	558,852	1.81
Tenaga Nasional Bhd	124,000	1,297,040	4.21
<b>TOTAL</b>	<b>2,751,300</b>	<b>4,485,192</b>	<b>14.56</b>
<b>FINANCE</b>			
BIMB Holdings Bhd	333,300	1,323,201	4.29
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd	60,000	268,800	0.87
<b>TOTAL</b>	<b>393,300</b>	<b>1,592,001</b>	<b>5.17</b>
<b>REITS</b>			
Axis Real Estate Investment Trust	545,491	1,085,527	3.52
KLCC Real Estate Investment Trust	170,000	1,164,500	3.78
<b>TOTAL</b>	<b>715,491</b>	<b>2,250,027</b>	<b>7.30</b>
<b>TECHNOLOGY</b>			
Aemulus Holdings Bhd	550,000	561,000	1.82
Ctos Digital Bhd	86,400	150,336	0.49
D & O Green Technology Bhd	220,000	1,141,800	3.71
Globetronics Technology Bhd	81,333	169,173	0.55
Frontken Corporation Bhd	450,000	1,525,500	4.95
Frontken Corporation Bhd – Warrant Bonus	150,000	58,500	0.19
Inari Amertron Bhd	100,000	344,000	1.12
JHM Consolidation Bhd	275,000	572,000	1.86
Kobay Technology Bhd	60,000	336,600	1.09
MI Technology Bhd	100,000	381,000	1.24
Malaysia Pacific Industries	20,000	880,400	2.86
Pentamaster Corporation Bhd	132,500	700,925	2.28
UWC Bhd	40,000	220,000	0.71
Vitrox Corporation Bhd	15,000	281,100	0.91
<b>TOTAL</b>	<b>2,280,233</b>	<b>7,322,334</b>	<b>23.77</b>
<b>GRAND TOTAL</b>	<b>16,346,002</b>	<b>27,415,251</b>	<b>88.98</b>



## 8. Management Expenses And Portfolio Turnover Ratios

### (a) Management Expenses Ratio ("MER")

The MER of the Fund is the ratio of the sum of fees and expenses incurred by the Fund to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. The fees and expenses include Manager's fee, Trustee's fee, auditors' remuneration, tax agent's fee and other administrative expenses. For the financial period ended 31 August 2021, the MER of the Fund stood at 0.80% (2020: 0.79%) and is calculated as follows:

$$\begin{aligned} \text{MER} &= \frac{\text{Total fees and expenses}}{\text{Average NAV}^*} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM}238,420}{\text{RM}29,958,942} \times 100 \\ &= 0.80 \% \end{aligned}$$

### (b) Portfolio Turnover Ratio ("PTR")

The PTR of the Fund is the ratio of average acquisitions and disposals of the Fund for the financial year to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. For the financial year ended 31 August 2021, the PTR of the Fund stood at 0.35 times (2020: 0.59).

The PTR of the Fund is calculated as follows:

$$\begin{aligned} \text{PTR} &= \frac{(\text{Total Acquisitions} + \text{Total Disposals}) / 2}{\text{Average NAV}^*} \\ &= \frac{(\text{RM}9,202,793 + 11,631,195) / 2}{\text{RM}29,958,942} \\ &= 0.35 \text{ times} \end{aligned}$$

#### Note :

(\*) The average NAV of the Fund of the financial period ended 31 August 2021 was RM29,958,942 (2020: RM22,957,854).



## **Maklumat Korporat**

### **SYARIKAT PENGURUSAN KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)**

#### **PEJABAT PERNIAGAAN**

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah  
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320  
E-mel : ask@kiam.com.my Laman web: www.kiam.com.my

#### **LEMBAGA PENGARAH**

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din  
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff  
Adi Harriman Bin Abdul Majid

#### **JAWATANKUASA PELABURAN**

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din  
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff  
Abdul Rahman Bin Haji Din

#### **MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH**

Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbulah Bin Haji Abdul Halim  
Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh  
Prof Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman

#### **JAWATANKUASA AUDIT & PEMATUHAN**

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din (dilantik pada 30 Ogos 2021)  
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff  
Haji Ahmad Bin Haji Ismail

#### **KETUA EKSEKUTIF**

Adi Harriman Bin Abdul Majid

#### **SETIAUSAHA SYARIKAT**

Norazlina Binti Osman (LS 0009524)

#### **PEMEGANG AMANAH**

CIMB Islamic Trustee Berhad (198801000556)  
Aras 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

#### **WAKIL KEPADA PEMEGANG AMANAH**

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)  
Aras 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

#### **JURUAUDIT TABUNG & AKAUNTAN MELAPOR**

Afrizan Tarmili Khairul Azhar  
No.2, Jalan Rampai Niaga 2  
Rampai Business Park  
53300 Kuala Lumpur

#### **PERUNDING PERCUAIAN**

Jamal, Amin Tax Services Sdn. Bhd.  
1584, Tingkat 2, Jalan Sultan Badlishah  
05000 Alor Setar, Kedah

#### **PEGUAMBELA & PEGUAMCARA**

Tetuan Hoe & Ahmad Zaki  
(Peguambela & Peguamcara)  
No. 1564, Tingkat 2, Wisma Southern Bank  
Jalan Kota, 05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman

Tetuan Abdul Halim Said & Co.  
Suite 25-29, Tingkat Dua  
Bangunan Lembaga Padi  
Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman

#### **BANK-BANK**

CIMB Islamic Bank Berhad  
1583, Bangunan UMNO  
Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman



**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD** (315167-P)  
PENGURUSAN PORTFOLIO | PENGURUSAN AMANAH SAHAM

---

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah,  
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7300323 Faks: 04-7300320

E-mail: [ask@kiam.com.my](mailto:ask@kiam.com.my)

Laman web: [www.kiam.com.my](http://www.kiam.com.my)